

PESONA

WANITA • KELUARGA

Kosmo! • JUMAAT 25 NOVEMBER 2016


Ikuti
kami di
Kosmo_Online



Nitra Bertarung Nyawa Melawan Kanser

> Lihat muka 30 & 31

KULIT Nitra bagaikan terbakar dan rambutnya gugur teruk semasa menjalani proses kemoterapi.



Persatuan Sokongan Kanser Kanak-Kanak Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (Cakne) mempunyai matlamat untuk membantu pesakit kanser kanak-kanak tanpa mengira kaum atau agama.

DUA tahun lalu, Nitra Balu, 11, menjalani kehidupan yang normal sama seperti kanak-kanak lain.

Dia yang aktif bermain tidak pernah menunjukkan tanda-tanda sakit. Hanya pada awal 2014, dia diserang demam dan muntah-muntah secara tiba-tiba.

"Saya muntah teruk. Ibu membawa saya ke klinik tetapi doktor cakap saya hanya mengalami gastrik.

"Saya pulang ke rumah dan hanya makan ubat yang dibekalkan doktor tetapi keadaan saya bertambah teruk," katanya.

Tambahnya, semakin hari dia berasa sangat lemah dan tidak bermaya.

Pembedahan

Masuk hari keempat, ibunya, **Ratha Ramar** memberitahu saudara-mara mengenai keadaan Nitra lantas kakak iparnya menyuruh dia membawa anak kedua dari tiga adik-beradik itu ke hospital untuk membuat pemeriksaan lanjut.

Mereka ke Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Cheras, Kuala Lumpur.

"Sampai di hospital, doktor meminta Nitra melakukan beberapa pemeriksaan kesihatan dan saya sangat terkejut apabila doktor memberitahu terdapat tumor berukuran lima sentimeter pada belakang kepala Nitra.

"Tanpa berlelah, doktor terus menyediakan prosedur untuk menjalani pembedahan dan pada keesokan harinya, Nitra terus dibedah," ujar ibu berusia 38 tahun itu.

Hatinya berdebar-debar ketika



RATHA (kiri) banyak memberi sokongan dan dorongan kepada anaknya, Nitra (tengah) untuk kekal positif melawan penyakit kanser.

Kanser didik kanak-kanak jadi cekal

menunggu anaknya selesai melakukan pembedahan itu.

Malah, Ratha tidak sangka yang dia berdepan ujian yang hebat itu.

Kejadian yang berlaku dalam tempoh yang pantas itu juga membuatkan Ratha tertanya-tanya apakah yang menyebabkan anaknya diserang kanser tersebut.

Ia kerana, tiada dalam sejarah ahli keluarga mahupun suaminya yang mempunyai penyakit kanser.

Dalam pada itu, Nitra mengalami perubahan fizikal yang drastik selepas menjalani pembedahan tersebut.

Dia perlu mengikuti lapan pusingan kemoterapi yang telah ditetapkan oleh pihak hospital.

"Berat Nitra yang dulu 34 kilogram (kg) jatuh merudum sehingga 16kg selepas melakukan rawatan kemoterapi.

"Kulitnya juga bertukar kehitaman seperti terbakar dan rambut gugur sehingga kepalanya botak," kata Ratha sambil mengingati kembali detik-detik menjaga Nitra ketika itu.

Namun, jika dilihat dengan mata kasar pada fizikal Nitra, pasti ramai yang

tidak menyangka bahawa dia pernah bertarung nyawa dengan penyakit kanser. Nitra berjaya mengharungi ujian setelah kini dia bebas sepenuhnya daripada penyakit itu.

"Dia kini lebih ceria, semakin cantik. Saya pun tidak tahu daripada mana semangat yang diperoleh untuk kekal positif.

"Kini, Nitra perlu membuat pemeriksaan susulan pada setiap enam bulan sekali," jelasnya ketika memeluk Nitra sambil diperhatikan adik perempuannya yang berumur 9 tahun.

Semangat yang ada pada Nitra boleh dicontohi oleh pesakit kanser lain.

Seorang lagi *survival* kanser ialah **Sri Darsini Selvarajah**, 18. Dia menghidap penyakit kanser pada 2008 ketika berumur 10 tahun.

Diberi peluang untuk berucap pada majlis penyampaian hamper sempena sambutan Deepavali di PPUKM baru-baru ini, Sri Darsini bersemangat memberitahu, setiap manusia diberi peluang untuk hidup jadi jangan sesekali menyerah kalah.

"Saya pernah dua kali dimasukkan



ke Unit Rawatan Rapi kerana tidak sedarkan diri tetapi saya masih diberi peluang untuk terus bernafas.

"Jadi, kenapa saya perlu putus asa," katanya yang merupakan penghidap leukemia.

Cita-cita

Leukemia merupakan sejenis kanser darah yang berasal dari sum-sum tulang. Sel-sel leukemia merupakan sel kanser yang luar biasa dan berupaya membiak dengan cepat serta hidup lebih lama berbanding sel-sel darah yang normal.

Tambah Sri Darsini, ibu dan kakaknya banyak memberi dorongan serta motivasi untuk terus kekal positif.

Sri Darsini kini hidup normal seperti remaja lain. Dia mahu meneruskan cita-cita sebagai penari klasik

tarian India dan belajar menjadi juru andam.

Impiannya pada suatu hari nanti adalah memiliki sebuah butik pengantin.

Malah, dia juga berbesar hati untuk memberi sokongan kepada pesakit kanser kanak-kanak dengan membuat kunjungan ke hospital pada setiap bulan.



SRI DARSINI



NOR HASHIMAH



NOR HASHIMAH (dua dari kanan) bergambar bersama survival kanser pada majlis penyampaian hamper sempena sambutan Deepavali di PPUKM, Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Sokongan Kanser Kanak-Kanak PPUKM (Cakne), Nor Hashimah Sulaiman berkata, pengalaman mempunyai anak yang menghidap kanser memberikan semangat untuknya melakukan program-program yang berkaitan penyakit itu.

"Saya mempunyai seorang anak bernama Nurul Islah yang mempunyai tumor otak sebesar tujuh sentimeter pada 2007. Ketika itu, dia baru berumur sembilan tahun.

"Banyak liku-liku hidup yang kami

lalui. Semuanya mengajar saya erti kehidupan sebenar," ujar wanita cekal itu.

Jelas Nor Hashimah, kewujudan persatuan ini umpama ucapan terima kasihnya kepada orang luar yang banyak membantu mereka keluarga menempuh cabaran untuk membesarkan Islah.

Islah, 18, kini bebas daripada penyakit itu tetapi bergelar orang kelainan upaya. Dia kini menjalani latihan praktikal di Sekolah Menengah Kebangsaan Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan sebagai pembantu pentadbiran.



DARSINI dan Nitra mendapat rawatan di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Persatuan ditubuhkan dengan matlamat tersendiri

SETIAP persatuan yang diwujudkan mempunyai matlamat masing-masing dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Antara fungsi lain adalah untuk memberi sokongan dalam apa jua tujuan penubuhannya.

Persatuan Sokongan Kanser Kanak-Kanak Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (Cakne) juga mempunyai matlamat yang tersendiri.

Pengasasnya, Mohd. Shah Awaluddin berkata, matlamat penubuhan persatuan itu adalah untuk membantu pesakit kanser kanak-kanak tanpa mengira bangsa



MOHD. SHAH

atau agama.

"Selain itu, pihaknya ingin meningkatkan pengetahuan tentang kaedah, rawatan, penjagaan dan seumpamanya kepada masyarakat.

"Malah, kami juga ingin menyediakan tahap kesediaan sebelum, semasa dan selepas rawatan," ujarnya ketika ditemui

Kosmo! di PPUKM, Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Katanya, ramai ibu bapa tidak tahu apa yang perlu dilakukan saat mendapat tahu anak mereka didiagnos menghidap kanser.

Mereka berasakan seperti

hidup anak-anak sudah berakhir walhal, anak-anak itu memerlukan sokongan padu daripada ibu bapa untuk terus kekal positif melawan penyakit yang dihidapi.

"Jadi, inilah fungsi dan tugas kami iaitu terus membantu meningkatkan pengetahuan kepada pesakit dan orang ramai.

"Malah, dengan fungsi ini, kami berharap ada ramai sukarelawan tampil untuk membantu memberi semangat kepada pesakit kanser," ujarnya yang sudah menubuhkan Cakne pada 2008.

Selain semangat, dorongan dan pengetahuan, Cakne juga menyalurkan bantuan dari segi menyediakan keperluan asas kepada

keluarga pesakit semasa di hospital.

"Kami menyediakan keperluan asas seperti berus dan ubat gigi, tuala, minuman ringan, sikat serta beberapa keperluan lain untuk keluarga pesakit.

"Kami faham, ada yang tidak sempat untuk membawa barang-barang itu kerana dalam beberapa kes, kanak-kanak ini perlu ditahan wad serta-merta selepas diperiksa," jelasnya.

Oleh demikian, pesakit tidak perlu berasa terpinggir kerana walaupun persatuan-persatuan ini wujud bukan daripada pertalian darah sendiri, ramai masyarakat di luar sana yang mengambil berat tentang mereka.

INFO Cakne

■ E-mel: cakneppukm@gmail.com

■ Facebook: [cakne.pukm](https://www.facebook.com/cakne.pukm)

■ Alamat: No 18, Jalan RK 4/2, Rasah Kamayan, 70300 Seremban, Negeri Sembilan.

■ Telefon: 012-6081 078 / 011-1063 1076

■ Laman web: www.cakne.org.my

■ Matlamat:

- Membantu pesakit kanser kanak-kanak dan keluarga tanpa mengira bangsa, agama serta keturunan.

- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pesakit kanser tentang penyakit yang dihadapi serta kaedah rawatan, kaedah penjagaan dan yang seumpamanya.

- Menyediakan bantuan kewangan dan peralatan untuk pesakit kanser kanak-kanak dan keluarga mereka yang memerlukan berdasarkan merit serta kemampuan kewangan pertubuhan.